

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth

Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

(The Implementation of Teaching and Learning Arabic Based on Bu'uth Al-Azhar Curriculum
in Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK))

MAIMUN AQSHA LUBIS*, ZAFFI ALIAS & HANIS NAJWA SHAHARUDDIN

ABSTRAK

Penggunaan bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Arab masih perlu dipertingkatkan terutama di sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Kajian ini merupakan kajian tinjauan deskriptif yang dilaksanakan untuk mengenal pasti teknik, amalan pelaksanaan pengajaran dan kekerapan penggunaan bantu guru bahasa Arab yang menggunakan kurikulum Bu'uth al-Azhar. Lokasi kajian adalah di dua buah (SABK) di negeri Selangor. Soal selidik diedarkan kepada 20 orang guru dan 150 orang pelajar. Dapatkan kajian telah mendapat nilai min bagi teknik pengajaran guru di dalam bilik darjah dari perspektif guru (min = 4.15) dan pelajar (min = 3.82) berada pada tahap yang tinggi. Di samping itu, nilai min pada amalan pengajaran dan pengajaran guru di dalam bilik darjah dari perspektif guru (min = 3.47) dan pelajar (min = 3.96) juga berada di tahap yang tinggi. Manakala min tahap kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dari perspektif guru (min = 2.18) dan pelajar (min = 2.16) berada pada tahap yang rendah. Dapatkan ini menunjukkan bahawa sikap positif pelajar kepada teknik dan amalan pengajaran guru tetapi pelajar dan guru tidak memberikan sikap yang positif kepada penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Oleh itu, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang menyeluruh amat perlu dititikberatkan terutamanya di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Kata Kunci: Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Kurikulum Bu'uth al-Azhar, Teknik pengajaran, Amalan pelaksanaan pengajaran dalam bilik darjah, Bahan bantu mengajar (BBM)

ABSTRACT

The use of teaching aids in teaching Arabic language still needs to be improved, especially in Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). This descriptive study was conducted to identify the techniques, practices and frequency in teaching aids used by Arabic teacher with Bu'uth al-Azhar curriculum. The study was implemented in two schools (SABK) in Negeri Selangor. The questionnaires were distributed to 20 teachers and 150 students. The findings showed that the mean value of teaching techniques in the classroom from the teachers' perspective (mean = 4.15) and students' perspective (mean = 3.82) both were at high level. In addition, the mean value in the practice of teaching and teaching in the classroom from the teacher's perspective (mean = 3.47) and students (mean = 3.96) were also high. However, the mean of the frequency of teaching aids used from the teacher's perspective (mean = 2.18) and students (mean = 2.16) were at a low level. This findings indicate that positive attitude towards the teaching practices and techniques, but this positive attitudes does not work out with the students and teachers in matter of teaching aids used. Therefore, the use of teaching aids (BBM) has to be considered comprehensive, especially in Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Keywords: Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Bu'uth al-Azhar Curriculum, Teaching techniques, Practice of teaching, Teaching aids

PENGENALAN

Program pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) merupakan satu usaha murni kerajaan untuk membantu dan memperkuatkan sekolah-sekolah agama di Malaysia. Program ini pernah dicadangkan pada tahun 2002 oleh YB. Menteri Pelajaran ketika itu dan dicadangkan semula oleh Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad pada Ogos 2004. Konsep Sekolah Agama

Bantuan Kerajaan (SABK) ialah sekolah tersebut perlu berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan ditadbir oleh KPM. Walau bagaimanapun, pemilikan tanah dan bangunan dikekalkan seperti sedia ada. Di samping itu, kurikulum agama negeri akan terus digunakan di sekolah tersebut. Penerimaan status SABK memberi kebaikan kerana ia memberi peluang kepada pihak sekolah untuk menerima pelbagai kemudahan daripada pihak kerajaan. Hal ini selaras dengan tujuan pengenalan

SABK, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P), kualiti pengurusan sumber manusia serta kualiti prasarana dan kemudahan.

Ditinjau daripada aspek kurikulum, kebanyakan SAR menggunakan kurikulum Bu'uth al-Azhar atau dikenali sebagai Kurikulum al-Azhar atau Kurikulum Azhari. Selain itu, hampir semua sekolah yang berstatus SABK menggunakan kurikulum KPM serta mengekalkan Kurikulum Bu'uth al Azhar. Kurikulum Bu'uth al-Azhar tersebut diambil secara langsung dari Universiti al-Azhar,

Mesir. Kurikulum ini melibatkan komponen-komponen pengajian Islam dan bahasa Arab secara terasing seperti subjek *Tafsir, Hadis, Fekah, Tauhid, Nahu, Nusus* dan sebagainya yang menggunakan buku teks berbahasa Arab. Melalui perjanjian persefahaman (MoU) antara KPM dan kerajaan-kerajaan negeri yang ditandatangani pada 2008 sehingga 2010, terdapat sebanyak 139 buah berstatus SABK di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 23 buah sekolah terletak di negeri Selangor. Senarai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Selangor, ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Senarai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Selangor

Bil	Nama Sekolah	Daerah
1.	SAMT Hisamuddin Jalan Kota Raja	Klang
2.	SAM Hisamuddin Jalan Tepi Sungai, Sungai Bertih	Klang
3.	SAM Nurul Iman Kampung Bukit Cherakah	Klang
4.	SAM Unwanus Saadah Km. 39, Kanchong Darat	Banting
5.	SAMT Tengku Ampuan Rahimah Sungai Manggis	Banting
6.	SAM Jeram, Jeram	Kuala Selangor
7.	SAM Tanjong Karang Batu 9½, Jalan Bernam	Tg. Karang
8.	SAM Hulu Langat Batu 10, Jalan Cheras	Cheras
9.	SAM Sungai Selisek, Kampung Sg. Selisek	Kuala Kubu Bharu
10.	SAMT Kuala Kubu Bharu, Jalan Pahang	Kuala Kubu Bharu
11.	SAM Parit Baru, Sungai Air Tawar	Sabak Bernam
12.	SAM Bagan Terap, Bagan Terap	Sungai Besar
13.	SAM Sungai Haji Dorani, Jalan Lama Kuala Selangor	Sungai Besar
14.	SAM Pasir Panjang, Tali Air 10 Pasir Panjang	Sekinchan
15.	SAM Muhammadiyah Sabak	Sabak Bernam
16.	SAM Tengku Ampuan Jemaah, Jln Kg Nelayan	Sungai Besar
17.	SAMT Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah Bt 38	Sabak Bernam
18.	SAM Rawang, Batu 16 Jalan Ipoh	Rawang
19.	SAM Paya Jaras, Belakang Dewan Serbaguna MBSA	Sungai Buloh
20.	SAM Bestari, Jalan USJ 5/3a, Subang Jaya	Subang Jaya
21.	SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Jln Cahaya 11/7, Sek. 11	Shah Alam
22.	SAM Sungai Merab Luar, Sepang	Kajang
23.	SAM Bandar Baru Salak Tinggi	Sepang
Jumlah		23 buah

Sumber: Perjanjian antara Pelajaran Kerajaan Negeri & Dokumen Persefahaman Kementerian Malaysia (2008)

KURIKULUM SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK)

Bahagian ini akan membincangkan tentang kurikulum SABK. Secara asasnya, kurikulum yang digunakan di SABK terbahagi kepada dua bentuk, iaitu Kurikulum Bersepadan Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Bu'uth al-Azhar. Pecahan mata pelajaran bagi kedua-dua bentuk kurikulum tersebut disenaraikan dalam Jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2, terdapat dua bentuk kurikulum yang disediakan kepada pelajar-pelajar di SABK. Pelaksanaan KBSM di SABK adalah selaras dengan status sekolah tersebut yang berada di bawah pentadbiran KPM manakala pelaksanaan Kurikulum Al-Azhar pula adalah mengambil kira kurikulum asal yang diguna pakai sebelum pertukaran status kepada SABK.

JADUAL 2. Mata pelajaran dalam kurikulum KBSM dan kurikulum Bu'uth al-Azhar

Sukatan KBSM	Sukatan Bu'uth Al-Azhar
Bahasa Arab	Bahasa Arab
Bahasa Melayu	Tafsir
Bahasa Inggeris	Hadis
Matematik	Tauhid
Sains	Fekah
Sejarah	Tarikh Islam
Geografi	Al-Quran
Pendidikan Islam	-
Kemahiran Hidup	-
Pendidikan Jasmani	-

Sumber: Portal BPI (2012)

JADUAL 3. Sukatan aliran sains KBSM dan Pra STAM di SABK bagi Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

Sukatan Sains KBSM	Sukatan Pra STAM (Usuluddin)	Sukatan Pra STAM (Syariah)
Bahasa Arab	Tauhid	Al-Quran /hafazan dan tajwid
Bahasa Melayu	Mantiq	Ulum Quran
Bahasa Inggeris	Hadith	Tafsir
Matematik	Mustolah hadith	Ulum tafsir
Matematik Tambahan	Feqah	Bahasa Arab
Fizik	-	-
Kimia	-	-
Biologi/lukisan kejuruteraan/prinsip akaun	-	-
Sejarah	-	-
Pendidikan/Syariah Islamiah	-	-
Pendidikan al-Quran dan Sunnah	-	-

Sumber: Portal BPI (2012)

Secara keseluruhan, SABK menawarkan 40 mata pelajaran yang terdiri daripada mata pelajaran teras peperiksaan umum, mata pelajaran agama, dan mata pelajaran Bahasa Arab. Namun begitu, pengelasan dari segi keupayaan setiap sekolah membezakan mata pelajaran yang ditawarkan.

Menurut Ali (2012), daripada 139 buah SABK di Malaysia, terdapat SABK yang setaraf dengan Sekolah Berasrama Penuh Agama (KISAS, SMAP Labu dan SMAP Kajang)/Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)/Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). SABK yang dikatakan setaraf itu antaranya ialah Sekolah Menengah Imtiaz dan SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin (Terengganu), Sekolah Agama Menengah Bestari (Selangor), SMA Maahad al-Mashoor Al-Islami (Pulau Pinang) dan lain-lain lagi. Secara dasarnya SABK boleh dikategorikan kepada tiga kategori iaitu:

1. SABK Kelas 1: Pengambilan pelajar Tingkatan 1 di sekolah-sekolah tersebut dibuat berdasarkan penarafan sekolah yang mensyaratkan pencapaian 5A dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), fasih membaca Al-Quran dan mahir tulisan Jawi.
2. SABK Kelas 2: Mensyaratkan pencapaian minimum 3A dalam UPSR, boleh membaca Al-Quran dan menulis Jawi.
3. SABK Kelas 3: SABK yang tidak mengenakan syarat minimum UPSR, bacaan al-Quran dan tulisan Jawi, malahan menerima kehadiran pelajar Tingkatan 1 yang berminat untuk memasuki sekolah menengah agama. SABK kategori ini menerima kemasukan pelajar yang tidak tahu membaca dan menulis Jawi, buta al-Quran, malahan ada antara mereka yang tidak fasih membaca

dan menulis rumi. Kewujudan SABK kategori ini telah membuka ruang kepada masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka mendapatkan pendidikan agama secara formal walaupun pencapaian akademik mereka kurang memberangsangkan. Malahan kecenderungan untuk memasuki SABK kadang-kadang bukan datang daripada diri pelajar itu, sebaliknya pilihan ibu bapa yang beranggapan sekolah menengah agama mampu membentuk akhlak dan peribadi yang mulia.

KURIKULUM BU'UTH AL-AZHAR

Kurikulum Bu'uth al-Azhar merupakan sistem pendidikan yang mempunyai dua elemen yang sangat penting iaitu pendidikan yang bersifat *thurosi* (pengajian pondok) dan *muasoroh* (moden) bagi memenuhi keperluan individu muslim sesuai dengan tuntutan semasa dan peredaran zaman. Kurikulum Bu'uth al-Azhar ini juga amat sesuai sebagai pendedahan awal bagi pelajar-pelajar yang ingin mendalami ilmu-ilmu agama dan amat sesuai sebagai persediaan awal bagi pelajar-pelajar yang berminat untuk mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Melalui peperiksaan ini, pelajar akan berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang agama di peringkat Ijazah sama ada di dalam maupun di luar negara. (<http://www.smahi.bpi.edu.my>).

Menurut Ahmad Kilani (2001) sukatan mata pelajaran dalam Kurikulum Bu'uth al-Azhar di SABK secara terperinci boleh dibahagikan kepada mata pelajaran agama dan mata pelajaran Bahasa Arab seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Pembahagian kurikulum Bu'uth al Azhar di SABK

Mata pelajaran Agama	Mata pelajaran Bahasa Arab
Tajwid	Insya'
Tafsir	Imla'
Tarikh Islam	Qawa'id
Tarikh Tasyri'	Nusus
Akhlik	Ta'bir
Hadith	Khat
Fiqh	Mutala'ah
Tauhid	Balaghah
Ulum Hadith	Mantiq
Ulum Tafsir	Tarikh Adab
Pendidikan Quran Sunnah	Mahfuzat
Pendidikan Syariah Islamiah	
Ulum Hadith	

Sumber: Ahmad Kilani (2001)

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti kandungan kurikulum Bu'uth Azhari, teknik pengajaran dan amalan pelaksanaan di dalam bilik darjah. Memandangkan kurikulum ini hanya digunakan oleh SAR dan SABK sahaja, persoalan yang timbul ialah apakah bentuk pendekatan P&P yang dilaksanakan oleh guru-guru dalam mengajar kurikulum ini yang dapat menarik perhatian pelajar untuk memahami, menilai sendiri dan seterusnya mengamalkan ajaran al-Quran. Persoalan ini berdasarkan beberapa masalah dan kekurangan yang ada pada SABK berkaitan kualiti pengajaran seperti latar belakang guru yang tidak terlatih, buku teks dalam bahasa Arab aras tinggi, kelemahan bahasa Arab pelajar dan tidak ada model teknik pengajaran bagi Kurikulum al-Azhar untuk penutur bukan Arab di Malaysia (Mohd Mansor & C. Kamaruddin 2003).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti kandungan kurikulum bahasa Arab di SABK.
2. Mengenal pasti amalan pengajaran guru bahasa Arab di SABK.
3. Mengenal pasti teknik P&P bahasa Arab di SABK.
4. Mengenal pasti kekerapan penggunaan bahan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian ini, maka terhasil tujuh persoalan kajian iaitu seperti berikut:-

1. Apakah kandungan kurikulum bahasa Arab di SABK?
2. Apakah teknik P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah di SABK pada perspektif guru?

3. Apakah teknik P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah di SABK pada perspektif pelajar?
4. Apakah amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di SABK pada perspektif guru?
5. Apakah amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di SABK pada perspektif pelajar?
6. Apakah kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam P&P bahasa Arab dalam bilik darjah pada perspektif guru?
7. Apakah kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam P&P bahasa Arab dalam bilik darjah pada perspektif pelajar?

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian tinjauan berbentuk deskriptif yang bertujuan mengkaji teknik P&P, amalan pelaksanaan pengajaran bahasa Arab. Kajian dijalankan di dua buah SABK di sebuah daerah di negeri Selangor. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 20 orang guru dan 150 orang pelajar. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Bagi mendapat data, dua set borang soal selidik telah disediakan untuk mendapatkan maklumat berhubung demografi guru dan pelajar, teknik pengajaran, amalan pelaksanaan P&P di dalam kelas dan kekerapan penggunaan sumber pengajaran. Satu set soal selidik untuk pelajar menilai amalan guru dalam P&P bahasa Arab merangkumi teknik, amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah dan kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru.

Untuk tujuan menganalisis data, pengkaji menggunakan pakej SPSS (Statistical Packages for Social Sciences 18). Data diolah secara deskriptif untuk menunjukkan maklumat dalam bentuk jadual, dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Kajian ini mengkategorikan skor min kepada lima mata, iaitu min = 1.00 hingga 1.80 ialah sangat rendah, min = 1.81 – 2.60 ialah rendah, min = 2.61 hingga 3.40 ialah sederhana, min = 3.41 hingga 4.20 ialah tinggi dan min = 4.21 hingga 5.00 ialah sangat tinggi.

DAPATAN KAJIAN

TEKNIK P&P BAHASA ARAB DI DALAM BILIK DARJAH DI SABK PADA PERSPEKTIF GURU

Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa 15 item bagi teknik pelaksanaan P&P bahasa Arab dari perspektif guru mencatat nilai min pada tahap tinggi. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 10 (Saya mengulang isi pengajaran yang penting beberapa kali), iaitu nilai min = 4.25 dengan sisihan piawai = .910. Diikuti item 9 (Saya sentiasa menyatakan semasa sesi penerangan dalam P&P), iaitu nilai min = 4.20 dengan sisihan piawai = .768 dan item 8 (Saya memberi bimbingan kepada pelajar semasa perbincangan mereka) dengan nilai min = 4.10 dengan sisihan piawai = 1.165. Ini bermakna majoriti responden memilih skala

sangat setuju bagi item 10, 9 dan 8. Manakala nilai min yang paling rendah dicapai oleh item 4 (Saya menghadkan beberapa soalan sahaja untuk ditanya oleh pelajar), iaitu nilai min = 2.20 dengan sisihan piawai = 1.322. Teknik

pelaksanaan P&P bahasa Arab dari sudut perspektif guru secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dengan nilai min = 3.78 dengan sisihan piawai = 0.842.

JADUAL 5. Skor min dan sisihan piawai teknik pelaksanaan P&P bahasa Arab dari sudut perspektif Guru

	Kandungan	Min	S.P	Interpretasi
1B.	Saya merancang teknik pengajaran supaya P&P menjadi lebih berkesan	4.10	.968	Tinggi
2B.	Saya menggalakkan pelajar bertanya ketika saya sedang menerangkan isi pelajaran.	3.15	1.424	Sederhana
3B.	Saya membuka sesi soal jawab di akhir pengajaran	3.95	1.099	Tinggi
4B.	Saya menghadkan beberapa soalan sahaja untuk ditanya oleh pelajar	2.20	1.322	Rendah
5B.	Saya memberi bahan pengajaran supaya dibincangkan oleh pelajar dalam kumpulan	3.60	1.095	Tinggi
6B.	Pelajar bebas berinteraksi antara satu sama lain bagi menjayakan tugas mereka.	4.00	.973	Tinggi
7B.	Saya memberi arahan kepada pelajar semasa perbincangan mereka	3.80	1.056	Tinggi
8B.	Saya memberi bimbingan kepada pelajar semasa perbincangan mereka	4.10	1.165	Tinggi
9B.	Saya sentiasa menyayang semasa sesi penerangan dalam P&P	4.20	.768	Tinggi
10B.	Saya mengulang isi pengajaran yang penting beberapa kali	4.25	.910	Tinggi
11B.	Saya menggalakkan pelajar mengulangi apa yang saya ucapkan sehingga lancar dan fasih.	4.00	.725	Tinggi
12B.	Saya gemar berteka-teki dengan pelajar sebelum memberikan penjelasan	3.60	1.095	Tinggi
13B.	Saya memberikan kebebasan kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat mereka berkenaan isi pelajaran.	3.95	1.050	Tinggi
14B.	Saya menggalakkan pelajar lebih aktif apabila menjalankan aktiviti lakonan	3.70	.865	Tinggi
15B.	Saya mempelbagaikan teknik pengajaran Bahasa Arab	4.00	.858	Tinggi
Persepsi Guru Secara Keseluruhan		3.78	0.842	Tinggi

TEKNIK P&P BAHASA ARAB DI DALAM BILIK DARJAH DI SABK PADA PERSPEKTIF PELAJAR

Jadual 6 mendapati bahawa 15 item bagi teknik pelaksanaan P&P bahasa Arab dari sudut perspektif pelajar mencatat nilai min pada tahap tinggi. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 8 dan 4 (Saya memulakan sesi P&P dengan bacaan doa) dan item 4 (Saya sentiasa menjalankan P&P berpandukan sukanan pelajaran yang telah dibekalkan), iaitu nilai min mendapat min = 3.80 dengan sisihan piawai = 1.005 dan .834. Ini diikuti item 13 (Saya membimbung aktiviti latihan yang dijalankan dalam bilik darjah), iaitu nilai min = 3.75 dengan sisihan piawai = .786, item 7 dan 12 (Saya menyemak tugas yang diberi pada kelas sebelum memulakan P&P dan Saya memantau aktiviti latihan yang dijalankan dalam bilik darjah) dengan nilai min masing-masing = 3.70 dengan sisihan piawai = .657 dan .801. diikuti dengan item 18 (Saya mengakhiri sesi P&P dengan membuat kesimpulan), iaitu nilai min = 3.65 dengan sisihan piawai = 1.040. Ini bermakna majoriti responden memilih skala sangat setuju bagi item 8,4,13,7,12 dan 18. Manakala nilai min yang paling rendah dicapai oleh item 17 (Saya menjalankan aktiviti tambahan pemulihan bagi objektif yang belum tercapai), iaitu nilai min = 3.10 dengan sisihan piawai = 1.119. Diikuti item 14 (Saya memberi lembaran kerja semasa P&P dilaksanakan dalam bilik darjah), iaitu nilai min = 3.15 dengan nilai sisihan piawai = .671. Amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik bilik darjah dari sudut perspektif guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan mencatatkan nilai min = 3.47 dengan sisihan piawai = 0.469.

AMALAN PELAKSANAAN P&P BAHASA ARAB DI DALAM BILIK DARJAH DI SABK DARI PERSPEKTIF GURU

Jadual 7 menunjukkan bahawa 20 item bagi amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik bilik darjah

dari sudut perspektif guru didapati mencatat nilai min pada tahap tinggi. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 8 dan 4 (Saya memulakan sesi P&P dengan bacaan doa) dan item 4 (Saya sentiasa menjalankan P&P berpandukan sukanan pelajaran yang telah dibekalkan), iaitu nilai min mendapat min = 3.80 dengan sisihan piawai = 1.005 dan .834. Ini diikuti item 13 (Saya membimbung aktiviti latihan yang dijalankan dalam bilik darjah), iaitu nilai min = 3.75 dengan sisihan piawai = .786, item 7 dan 12 (Saya menyemak tugas yang diberi pada kelas sebelum memulakan P&P dan Saya memantau aktiviti latihan yang dijalankan dalam bilik darjah) dengan nilai min masing-masing = 3.70 dengan sisihan piawai = .657 dan .801. diikuti dengan item 18 (Saya mengakhiri sesi P&P dengan membuat kesimpulan), iaitu nilai min = 3.65 dengan sisihan piawai = 1.040. Ini bermakna majoriti responden memilih skala sangat setuju bagi item 8,4,13,7,12 dan 18. Manakala nilai min yang paling rendah dicapai oleh item 17 (Saya menjalankan aktiviti tambahan pemulihan bagi objektif yang belum tercapai), iaitu nilai min = 3.10 dengan sisihan piawai = 1.119. Diikuti item 14 (Saya memberi lembaran kerja semasa P&P dilaksanakan dalam bilik darjah), iaitu nilai min = 3.15 dengan nilai sisihan piawai = .671. Amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik bilik darjah dari sudut perspektif guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan mencatatkan nilai min = 3.47 dengan sisihan piawai = 0.469.

JADUAL 6. Skor min dan sisihan piawai teknik pelaksanaan P&P bahasa Arab dari sudut perspektif pelajar

	Kandungan	Min	S.P	Interpretasi
1B.	Guru menjalankan teknik pengajaran yang menarik	3.70	.825	Tinggi
2B.	Guru menggalakkan pelajar bertanya ketika guru menerangkan isi pelajaran	4.13	.669	Tinggi
3B.	Guru membuka sesi soal jawab di akhir pengajaran	3.98	.790	Tinggi
4B.	Guru menggalakkan pelajar untuk Menyoal	4.14	.733	Tinggi
5B.	Guru memberikan bahan pengajaran supaya dibincangkan oleh pelajar dalam kumpulan	3.75	1.076	Tinggi
6B.	Guru memberi kebebasan kepada pelajar berinteraksi antara satu sama lain bagi menyiapkan tugas.	4.16	.795	Tinggi
7B.	Guru memberikan arahan kepada pelajar sebelum sesi perbincangan	3.92	.815	Tinggi
8B.	Guru memberikan bimbingan kepada pelajar semasa sesi perbincangan mereka	4.13	.816	Tinggi
9B.	Guru menggunakan teknik soal jawab ketika memberi penerangan isi pelajaran	3.87	.885	Tinggi
10B.	Guru mengulang isi pengajaran yang penting beberapa kali	4.02	.871	Tinggi
11B.	Pelajar akan mengulangi perkara penting yang guru ucapkan sehingga mereka lancar dan fasih.	3.74	.965	Tinggi
12B.	Guru berteka - teki dengan pelajar sebelum memberi penjelasan	3.47	.988	Tinggi
13B.	Guru memberikan kebebasan kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat mereka berkenaan isi pelajaran.	3.78	.874	Tinggi
14B.	Guru menjalankan teknik lakonan dalam pengajaran bahasa Arab	2.93	1.174	Sederhana
15B.	Guru mempelbagaikan teknik pengajaran bahasa Arab	3.56	1.207	Tinggi
Persepsi Pelajar Secara Keseluruhan		3.82	0.724	Tinggi

JADUAL 7. Skor min dan sisihan piawai amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif guru

	Kandungan	Min	S.P	Interpretasi
1C.	Saya mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan P&P bahasa Arab dengan baik	3.20	.696	Sederhana
2C.	Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi melaksanakan P&P bahasa Arab dengan baik.	3.30	.733	Sederhana
3C.	Saya menjalankan P&P berpandukan perancangan yang telah dibuat	3.55	.887	Tinggi
4C.	Saya sentiasa menjalankan P&P berpandukan sukanan pelajaran yang telah dibekalkan	3.80	.834	Tinggi
5C.	Saya menilai semula pelajaran lepas sebelum memulakan pengajaran topik baru	3.50	.889	Tinggi
6C.	Saya merekodkan hasil penilaian dalam buku rekod mengajar	3.45	.826	Tinggi
7C.	Saya menyemak tugas yang diberi pada kelas sebelum memulakan P&P	3.70	.657	Tinggi
8C.	Saya memulakan sesi P&P dengan bacaan doa	3.80	1.005	Tinggi
9C.	Saya memulakan langkah P&P dengan set induksi yang menarik	3.40	.883	Sederhana
10C.	Saya selesa menggunakan pendekatan syarahan di dalam menyampaikan pelajaran	3.50	.688	Tinggi
11C.	Saya menggunakan teknik latih tubi kepada pelajar	3.50	.827	Tinggi
12C.	Saya memantau aktiviti latihan yang dijalankan di dalam bilik darjah	3.70	.801	Tinggi
13C.	Saya membimbing aktiviti latihan yang dijalankan di dalam bilik darjah	3.75	.786	Tinggi
14C.	Saya memberi lembaran kerja semasa P&P dilaksanakan di dalam bilik darjah	3.15	.671	Sederhana
15C.	Saya memperuntukkan masa kepada pelajar untuk mengadakan aktiviti dalam kumpulan	3.45	.826	Tinggi
16C.	Saya menjalankan aktiviti penilaian di akhir P&P bagi mengenalpasti objektif P&P	3.25	.910	Sederhana
17C.	Saya menjalankan aktiviti tambahan pemulihan bagi objektif yang belum tercapai.	3.10	1.119	Sederhana
18C.	Saya mengakhiri sesi P&P dengan membuat kesimpulan	3.65	1.040	Tinggi
19C.	Saya memberi kerja rumah di akhir P&P	3.45	.759	Tinggi
20C.	Saya menamatkan sesi P&P dengan bacaan doa	3.25	1.164	Sederhana
Persepsi pelajar Secara Keseluruhan		3.47	0.469	Tinggi

**AMALAN PELAKSANAAN P&P BAHASA ARAB DI DALAM
BILIK DARJAH DARI PERSPEKTIF PELAJAR**

Jadual 8 menunjukkan bahawa 20 item bagi amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif pelajar mencatat nilai min pada tahap tinggi. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 8 (Guru memulakan sesi P&P dengan bacaan doa), iaitu nilai min = 4.40 dengan sisihan piawai = .724. Diikuti item 1 (Guru mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan P&P bahasa Arab.), iaitu nilai min = 4.21 dengan sisihan piawai = .762, item 2 (Guru mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam melaksanakan P&P

bahasa Arab) dengan nilai min = 4.20 dengan sisihan piawai = .811. Ini bermakna majoriti responden memilih skala sangat setuju bagi item 8, 1 dan 2. Manakala nilai min yang paling rendah dicapai oleh item 10 (Guru menggunakan pendekatan syarahan di dalam menyampaikan pelajaran), iaitu nilai min = 3.52 dengan sisihan piawai = 1.054 dan ikuti item 20 (Guru menamatkan sesi P&P dengan bacaan doa), iaitu nilai min = 3.67 dengan nilai sisihan piawai = 1.213. Amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan mencatatkan nilai min = 3.96 dengan sisihan piawai = 0.600.

JADUAL 8. Skor min dan sisihan piawai amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari perspektif pelajar

	Kandungan	Min	S.P	Interpretasi
1C.	Guru mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan P&P bahasa Arab.	4.21	.762	Sangat tinggi
2C.	Guru mempunyai pengetahuan yang mencukupi melaksanakan P&P bahasa Arab	4.20	.811	Tinggi
3C.	Guru menjalankan P&P berpandukan perancangan yang telah dibuat	4.06	.829	Tinggi
4C.	Guru sentiasa menjalankan P&P berpandukan dalam buku teks	4.18	.724	Tinggi
5C.	Guru menyoal pelajar tentang pelajaran lepas sebelum memulakan pengajaran topik baru.	3.95	.915	Tinggi
6C.	Guru merekodkan hasil penilaian dalam buku rekod mengajar	3.92	.886	Tinggi
7C.	Guru menyemak tugas yang diberi pada kelas sebelum memulakan P&P.	3.82	.977	Tinggi
8C.	Guru memulakan sesi P&P dengan bacaan doa	4.40	.724	Sangat tinggi
9C.	Guru memulakan langkah P&P dengan permulaan yang menarik	3.80	.948	Tinggi
10C.	Guru menggunakan pendekatan syarahan di dalam menyampaikan isi pelajaran.	3.52	1.054	Tinggi
11C.	Guru menggunakan teknik latih tubi kepada pelajar	4.05	.797	Tinggi
12C.	Guru memantau aktiviti latihan yang dijalankan dalam bilik darjah	4.05	.850	Tinggi
13C.	Guru membimbing aktiviti latihan yang dijalankan di dalam bilik darjah	4.05	.792	Tinggi
14C.	Guru memberi lembaran kerja semasa P&P dilaksanakan di dalam bilik darjah	4.02	.901	Tinggi
15C.	Guru memperuntukkan masa kepada pelajar untuk mengadakan aktiviti dalam kumpulan	3.81	.932	Tinggi
16C.	Guru menilai dapatan pelajar di akhir P&P	3.79	.971	Tinggi
17C.	Guru memberi aktiviti tambahan dalam P&P	3.99	.815	Tinggi
18C.	Guru mengakhiri sesi P&P dengan membuat kesimpulan	3.85	.944	Tinggi
19C.	Guru memberi kerja rumah di akhir P&P	4.05	.805	Tinggi
20C.	Guru menamatkan sesi P&P dengan bacaan doa	3.67	1.213	Tinggi
Persepsi Pelajar Secara Keseluruhan		3.96	0.600	Tinggi

KEKERAPAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU P&P BAHASA ARAB DI DALAM BILIK DARJAH DARI PERSPEKTIF GURU

Jadual 9 mendapati 27 item bagi kekerapan penggunaan bahan bantu P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif guru mencatat nilai min pada tahap rendah. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 1 (buku teks), iaitu nilai min = 4.45 dengan sisihan piawai = 1.099. Diikuti item 16 (papan tulis), iaitu nilai min = 4.35 dengan nilai sisihan piawai = .745, item 25 (al-Quran) dengan nilai min = 3.45 dengan nilai sisihan piawai = .945. Seterusnya item

26 (nota/edaran bercetak), iaitu nilai min = 3.40 dengan sisihan piawai = 1.095 dan diikuti item 27 (kamus), iaitu nilai min = 3.20 dengan nilai sisihan piawai = 1.508. Ini bermakna majoriti responden memilih skala sangat setuju bagi item 1, 16, 27, 18 dan 2. Manakala nilai min yang paling rendah dicapai oleh item 14 (OHP/vitualizer), iaitu nilai min = 1.15 dengan sisihan piawai = .366. Kekerapan penggunaan bahan bantu P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang rendah dengan mencatatkan nilai min = 2.18 dengan sisihan piawai = 1.223

JADUAL 9. Skor min dan sisisian piawai kekerapan penggunaan bahan bantu P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari perspektif guru

	Kandungan	Min	S.P	Interpretasi
1D.	Buku Tekst	4.45	1.099	Sangat Tinggi
2D.	Buku Kerja	2.85	1.182	Sederhana
3D.	Radio	1.30	.923	Sangat Rendah
4D.	Kaset Rakaman Bahasa Arab	1.30	.923	Sangat Rendah
5D.	Televisyen	1.40	.940	Sangat Rendah
6D.	Filem B. Arab	1.45	.686	Sangat Rendah
7D.	Komputer	1.75	.85	Sangat Rendah
8D.	Software B. Arab/perisian	1.45	.887	Sangat Rendah
9D.	Jaringan internet	1.35	.745	Sangat Rendah
10D.	LCD	1.50	.889	Sangat Rendah
11D.	Gambar	1.80	.768	Sangat Rendah
12D.	Kad Imbasan	1.70	.801	Sangat Rendah
13D.	Makmal/ Bilik bahasa	1.50	.827	Sangat Rendah
14D.	OHP/ virtualiser	1.15	.366	Sangat Rendah
15D.	Kad manila	1.95	.826	Rendah
16D.	Papan Tulis	4.35	.745	Sangat Tinggi
17D.	Laman Sesawang	1.85	1.040	Rendah
18D.	Lembaran kerja	3.20	1.399	Sederhana
19D.	Kertas mahjung	2.40	1.231	Rendah
20D.	Papan gulung	2.15	1.137	Rendah
21D.	Blog	1.25	.639	Sangat Rendah
22D.	Akhbar harian/ Majalah	2.30	1.174	Rendah
23D.	Bahan Maujud/hidup	2.25	1.251	Rendah
24D.	Kad carta	2.10	1.119	Rendah
25D.	Al-Quran	3.45	.945	Tinggi
26D.	Nota edaran/bercetak	3.40	1.095	Tinggi
27D.	Kamus	3.20	1.508	Tinggi
Persepsi Pelajar Secara Keseluruhan		2.18	1.223	Rendah

KEKERAPAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU P&P BAHASA ARAB DI DALAM BILIK DARJAH DARI PERSPEKTIF PELAJAR

Jadual 10 menunjukkan bahawa daripada 27 item kekerapan penggunaan bahan bantu P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif pelajar mencatat nilai min pada tahap rendah. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 1 dan 16 (buku teks dan papan tulis), iaitu nilai min masing-masing = 4.38 dengan sisisian piawai = .841 dan .981. Ini diikuti item 27 (kamus), iaitu nilai min = 3.70 dengan nilai sisisian piawai = 1.180, item 2 (buku kerja) dengan nilai min = 3.47 dengan nilai sisisian piawai = 1.133. Seterusnya item 26 (nota/edaran bercetak), iaitu nilai min = 3.25 dengan sisisian piawai = 1.326. Ini bermakna majoriti responden memilih skala sangat setuju bagi item 1, 2, 16, 26 dan 27. Manakala nilai min yang paling rendah dicapai oleh item 5 (televisyen) iaitu nilai min = 1.16 dengan sisisian piawai = .493. Kekerapan penggunaan bahan bantu P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari perspektif pelajar keseluruhannya berada pada tahap yang rendah dengan mencatatkan nilai min = 2.164 dengan sisisian piawai = 1.296.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati, min keseluruhan teknik pelaksanaan P&P guru Bahasa Arab secara keseluruhannya ialah min = 4.15. Ini menunjukkan guru menggunakan teknik dalam melaksanakan P&P bahasa Arab terhadap pelajar-pelajar, dengan memberi jawapan yang positif terhadap teknik pelaksanaan P&P bahasa Arab. Ini bermaksud guru mengakui bahawa mereka menggunakan teknik yang betul ketika menjalankan proses P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah. Kajian ini selari dengan kajian Abd. Halim (2004), keberkesanan P&P bahasa Arab di sekolah banyak bergantung kepada kreativiti dan keupayaan guru di dalam dan luar bilik darjah. Bagi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, KPM agar bersedia dan dapat melaksanakan proses P&P berdasarkan Sukatan Bahasa Arab yang ditetapkan. Tahap penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing dalam kalangan pelajar banyak didorong oleh faktor-faktor pembelajaran antara guru, buku teks, teknik pengajaran, bahan bantuan mengajar dan persekitaran. Peranan guru dalam mencapai hasrat tersebut tidak dapat dinafikan. Proses P&P adalah satu proses yang melibatkan interaksi guru dengan pelajar. Berkesannya pengajaran guru hanyalah bergantung kepada bagaimana guru dapat

JADUAL 10. Skor min dan sisihan piawai kekerapan penggunaan bantu P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari udut perspektif pelajar

	Kandungan		Min	S.P	Interpretasi
1D.	Buku Teks	4.38	.841	Tinggi	
2D.	Buku Kerja	3.47	1.133	Tinggi	
3D.	Radio	1.17	.515	Sangat Rendah	
4D.	Kaset Rakaman Bahasa Arab	1.23	.523	Sangat Rendah	
5D.	Televisyen	1.16	.493	Sangat Rendah	
6D.	Filem B. Arab	1.28	.687	Sangat Rendah	
7D.	Komputer	1.37	.727	Sangat Rendah	
8D.	Software B. Arab/perisian	1.91	1.195	Rendah	
9D.	Jaringan internet	1.33	.807	Sangat Rendah	
10D.	LCD	1.64	.999	Sangat Rendah	
11D.	Gambar	2.03	1.152	Rendah	
12D.	Kad Imbasan	1.95	1.104	Rendah	
13D.	Makmal/ Bilik bahasa	1.70	.981	Sangat Rendah	
14D.	OHP/ virtualiser	1.72	1.069	Sangat Rendah	
15D.	Kad manila	2.56	1.266	Rendah	
16D.	Papan Tulis	4.38	.981	Tinggi	
17D.	Laman Sesawang	1.59	.998	Sangat Rendah	
18D.	Lembaran kerja	2.57	1.406	Rendah	
19D.	Kertas mahjung	2.35	1.296	Rendah	
20D.	Papan gulung	1.67	1.156	Sangat Rendah	
21D.	Blog	1.27	.684	sangat Rendah	
22D.	Akhbar harian/ Majalah	2.02	1.132	Rendah	
23D	Bahan Maujud/hidup	1.77	1.114	Sangat Rendah	
24D.	Kad carta	2.22	1.214	Rendah	
25D.	Al-Quran	2.76	1.394	Rendah	
26D.	Nota edaran/bercetak	3.25	1.326	Sederhana	
27D.	Kamus	3.70	1.180	Tinggi	
Persepsi Pelajar Secara Keseluruhan		2.164	1.296	Rendah	

menyesuaikan diri dan memahami masalah pembelajaran pelajar. Terdapat pelbagai aspek yang mempengaruhi mutu pengajaran guru. Antaranya ialah pengetahuan dan ilmu yang dimiliki oleh guru, kaedah yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan proses P&P dan personaliti guru.

Dapatkan penilaian pelajar terhadap teknik pelaksanaan P&P guru bahasa Arab secara keseluruhannya ialah min = 3.82. Ini menunjukkan pelajar memberi pandangan yang sangat positif terhadap teknik pelaksanaan P&P bahasa Arab di bilik darjah yang digunakan oleh guru bahasa Arab. Responden pelajar yang merupakan majoriti responden telah memberikan penilaian yang sangat baik kepada P&P guru, di samping mereka meletakkan teknik pengajaran guru pada tahap yang baik seterusnya memberikan impak kepada pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa realiti sebenar teknik yang diamalkan oleh guru semasa sesi P&P di dalam bilik darjah. Selain itu, pelbagai pendekatan P&P yang boleh digunakan seperti pendekatan yang berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan pelajar dan pendekatan yang berpusatkan bahan. Pemilihan dan perancangan guru dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif adalah yang dikatakan strategi pengajaran (Ismail et al. 2012).

Min amalan pelaksanaan P&P guru bahasa Arab di dalam bilik darjah secara keseluruhannya adalah 3.47. Ini menunjukkan amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab yang positif berlaku di dalam bilik darjah dari perspektif guru. Mereka memberi pandangan yang positif terhadap amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari perspektif guru. Pandangan guru menunjukkan wujudnya amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di bilik darjah. Nilai min yang tinggi mungkin disebabkan oleh majoriti guru bahasa Arab merupakan guru yang berpengalaman lebih dari lima tahun mengajar. Amalan yang di amalkan sudah menjadi kebiasaan tugasannya mereka. Kajian ini bertepatan dengan kajian Noor Azizah (2006), selain daripada kajian tentang sikap guru, terdapat juga kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tentang aplikasi strategi guru dalam pembelajaran dan penulisan Bahasa Melayu.

Pelbagai pendekatan P&P boleh digunakan seperti pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan pelajar dan pendekatan berpusatkan bahan. Hal ini kerana, satu-satu pendekatan yang digunakan tidak dianggap sebagai yang terbaik untuk digunakan kepada pelajar dalam semua keadaan (Mohd Aderi & Rohani 2009). Pemilihan dan perancangan guru dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk

mencapai objektif adalah dikatakan strategi pengajaran. Jelaslah, bahawa teknik pengajaran yang menarik dan interaktif amat berkesan berbanding dengan teknik pengajaran tradisional.

Min amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif pelajar secara keseluruhannya ialah 3.96. Ini menunjukkan wujudnya amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari perspektif pelajar. Mereka memberi pandangan yang positif terhadap amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah. Kajian ini bertepatan dengan kajian Mohd Aderi (2004), amalan pengajaran berkesan berfungsi untuk menghasilkan pembelajaran yang efektif di dalam bilik darjah (Mok Soon Sang 1992 & Atan 1993). Pelajar hendaklah melibatkan diri secara aktif dalam proses P&P berlangsung di dalam bilik darjah (Benard 1999; Rohizani 2005). Pengajaran guru hendaklah dirancang di samping memberi pertimbangan kepada kepelbagai pelajar.

Min kekerapan penggunaan bahan bantu P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif guru keseluruhannya ialah min = 2.18. Ini menunjukkan guru memberi pandangan yang negatif terhadap penggunaan bahan P&P di dalam bilik darjah bahasa Arab. Kajian ini bertepatan dengan kajian Kamarul Azmi (2011), P&P yang efektif dapat dilihat sejauh mana kebolehan guru-guru dalam menghasilkan P&P yang interaktif (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2010). Guru yang kreatif dan inovatif pula mestilah mempunyai persediaan dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam P&P termasuk mengaitkan keseluruhan aspek tersebut di dalam penyampaian pengajarannya.

Secara keseluruhan, kekerapan penggunaan bahan bantu P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif pelajar didapati bahawa 27 item yang disoal telah mencatat nilai min pada tahap rendah, iaitu min = 2.16. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tahap penggunaan bahan bantu mengajar dari perspektif pelajar adalah rendah, disebabkan oleh beberapa kekangan yang terdapat di sekolah tersebut. Sebelum wujudnya Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan atau SABK ini, sekolah ini merupakan Sekolah Agama Rakyat yang dibelenggu kekurangan dari pelbagai sudut. Untuk menyiapkan kelengkapan seperti makmal komputer, makmal bahasa, kelengkapan audio visual dan beberapa kemudahan lain akan memakan masa. Selain itu, wujudnya kekuatan dan kesungguhan guru untuk meneruskan pengajaran dalam keadaan yang dihimpit kekurangan ini. Oleh demikian, pelajar mampu mengadaptasikan suasana pengajaran di dalam bilik darjah dengan baik.

KESIMPULAN

Keputusan kajian ini memperlihatkan bahawa guru-guru bahasa Arab perlu bersikap positif terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Hal ini kerana, mengikut peredaran zaman semasa, para guru perlu menguasai teknologi dalam menyampaikan P&P di dalam kelas. Selain

itu, guru-guru juga patut berusaha mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dalam P&P bahasa Arab melalui pengajaran yang kreatif, inovatif dan berkualiti agar penguasaan pelajar dalam bahasa Arab dapat ditingkatkan. Justeru, penggunaan bahan bantu mengajar secara efisien perlu diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa Arab bagi memantapkan lagi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Selain daripada teknik dan amalan pelaksanaan P&P, penggunaan bahan bantu mengajar juga perlu dititikberatkan oleh guru dalam keberkesanan P&P bahasa Arab. Sejarah dengan usaha kerajaan menjadikan SABK berada di dalam arus pendidikan perdana. Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar harus dipertingkatkan untuk bersaing dengan sekolah-sekolah agama yang berprestasi tinggi. Walaupun dengan kekurangan dalam penggunaan bahan bantu mengajar, jelas tergambar dengan kesungguhan dari pelbagai pihak, khususnya guru dan pihak pentadbiran dari pelbagai peringkat.

Selain itu, hasil kajian ini juga telah menunjukkan bahawa kepentingan P&P bahasa Arab di peringkat awal dan memberi cabaran baru kepada pembangunan pendidikan insani. Era globalisasi hari ini telah meningkatkan cabaran bagi pendidik khususnya pendidikan bahasa asing. Dalam menempuh alam terbuka dan teknologi maklumat tanpa sempadan, tidak dapat dinafikan pembangunan insan dan pembinaan generasi perlu dititikberatkan selari dengan keprihatinan terhadap kepesatan kemajuan negara. Sebagai sebuah negara yang bercirikan Islam yang menjadi agama rasmi, kepentingan bahasa Arab perlu selari dengan bahasa rasmi negara. Hal ini kerana penguasaan bahasa Arab menjadikan rakyat lebih memahami Islam dengan baik dan akhirnya menjadi umat yang berpegang dengan Islam seluruhnya. Justeru, bahasa Arab merupakan aset penting bagi pembinaan sesuatu bangsa, ketinggian maruah agama dan patriotisme kepada negara.

RUJUKAN

- Abd. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Halim & Khadijah Abdul Razah. 2004. Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan UKM. Kod Penyelidikan UKM: GG002/2004.
- Ali Muda. 2012. *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab (PKEBAR'12).* <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>. DIAKSES PADA???
- Atan Long. 1981. *Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Benard Comrie. 1999. *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- INSTITUSI? TAHUN?. Dokumen Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kerajaan-Kerajaan Negeri Berkaitan Pengambilalihan Sekolah Menengah Agama Negeri 2008. TEMPAT?
- AUTHOR? TAHUN? TAJUK ARTIKEL? <http://www.smahi.bpi.edu.my>. Laman web SMA Hidayah Islamiah. Akses pada 30 Julai 2012

- Ismail Suardi Wekke. 2012. Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Pesantren Immim Makassar, Indonesia. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM: Bangi.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2011. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1): 59-57.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2010. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Aderi Che Noh. 2004. Amalan pengajaran tilawah Al-Quran: satu tinjauan terhadap persepsi guru di sekolah menengah harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1): 57-72.
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. 2009. Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 93-109.
- Mohd Mansor Daud dan C. Kamarudin Kamel Muhammad. 2003. Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Al-Azhar dan Cara Mengatasinya. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam* (Siri 3). Royal Adelphi, Seremban, 16 Oktober.
- Mok Soon Sang. 1992. *Pedagogi 2: Strategi Pengajaran Pembelajaran Mikro*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Noor Azizah Ahmad. 2006. Pengaplikasian teori konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Reka Cipta. Projek Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim & Mohd Zohir Ahmad. 2005. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Maimun Aqsha Lubis*

Zaffi Alias

Hanis Najwa Shaharuddin

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan

Pengarang untuk surat-menyurat*; emel: draqsha@gmail.com

Diserahkan : 1 Disember 2013

Diterima : 8 Mac 2014

